



Anak Kelantan diseru tonjol jati diri unggul cerminkan imej negeri

DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | SYAWAL 1447H | 19-26 MAC 2026

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

84 peratus manifesto Kelantan direalisasi dalam separuh penggal, SPARK sahkan momentum kukuh pentadbiran

Aduan rakyat diberi perhatian serius dalam mesyuarat Exco – MB Kelantan

Penjajahan moden beralih ke medan ekonomi, REE kunci kuasa baharu

Syukuri nikmat keamanan sambut Aidilfitri – MB Kelantan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 23 Mac – Umat Islam diseru agar mensyukuri nikmat keamanan yang dikecapi dalam menyambut Aidilfitri, terutama ketika masih terdapat saudara seagama di beberapa negara yang berdepan konflik dan penderitaan.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud berkata, suasana aman yang dinikmati di negara ini membolehkan umat Islam menunaikan ibadah puasa dan menyambut hari raya dengan tenang bersama keluarga.

Menurutnya, keadaan tersebut berbeza dengan situasi di negara seperti Palestin dan Iran yang masih berdepan pelbagai cabaran dan ujian.

“Umat Islam perlu banyak bersyukur kerana kita dapat berpuasa dan beraya dalam suasana aman, sedangkan ada saudara kita yang diuji dalam keadaan yang sukar,” katanya.



Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Mesra Aidilfitri Pimpinan Kerajaan Negeri Bersama Anak Kelantan di Perantauan 1447H/2026M di Dewan Besar Yayasan Islam Kelantan, Bandar Baharu Tunjong, di sini, semalam.

Majlis berkenaan menghimpunkan kira-kira 2,000 hadirin terdiri daripada anak-anak Kelantan di perantauan yang pulang ke kampung halaman sempena sambutan

Aidilfitri.

Dalam pada itu, beliau turut mengingatkan bahawa antara punca kelemahan umat Islam adalah disebabkan perpecahan dalam kalangan mereka sendiri.

“Kenapa umat Islam tidak mempunyai kekuatan? Kerana kita tidak bersatu. Apabila berpecah, kita menjadi lemah,” jelasnya.

Sehubungan itu, beliau menyeru agar kesedaran untuk memperkukuhkan perpaduan dimulakan



Umat Islam perlu banyak bersyukur kerana kita dapat berpuasa dan beraya dalam suasana aman, sedangkan ada saudara kita yang diuji dalam keadaan yang sukar,”

dari peringkat diri, keluarga, masyarakat dan seterusnya negara.

“Menjadi harapan semua pimpinan agar umat Islam bersatu di atas dasar Islam demi kekuatan ummah,” ujarnya.

Selain itu, Dato’ Mohd Nassuruddin turut menasihati orang ramai agar sentiasa berhati-hati di jalan raya sepanjang musim perayaan serta memulakan perjalanan dengan membaca doa menaiki kenderaan.



Anak Kelantan diseru tonjol jati diri unggul cerminkan imej negeri

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 23 Mac – “Orang sentiasa memerhatikan negeri kita. Jadi kita kena tonjolkan kelebihan yang ada pada kita sebagai anak Kelantan dari semua segi, termasuk agama, sahsiah, peribadi diri, keluarga dan masyarakat.”

Demikian penegasan Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato’ Dr Mohamed Fadzli Hassan yang mengingatkan anak-anak Kelantan di perantauan agar sentiasa memelihara nama baik negeri serta menampilkan keperibadian unggul berteraskan nilai agama dan akhlak.

Beliau berkata, Kelantan sering menjadi tumpuan pelbagai pihak, justeru setiap anak perantau memikul tanggungjawab besar sebagai duta kecil negeri dalam mencerminkan imej masyarakat yang beradab, berprinsip dan berjati diri tinggi.

Menurutnya, setiap individu perlu menzahirkan kelebihan yang dimiliki, khususnya dalam aspek keagamaan, sahsiah dan keperibadian, sekali gus menjadi contoh terbaik kepada masyarakat luar.

Beliau berkata demikian ketika



berucap pada Majlis Mesra Aidilfitri Pimpinan Kerajaan Negeri Bersama Anak Kelantan di Perantauan 1447H/2026M di Dewan Besar Yayasan Islam Kelantan (YIK), Tunjong, di sini malam tadi.

Majlis tahunan kelolaan Urus setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) itu diadakan bagi meraikan kepulauan anak-anak Kelantan dari seluruh negara yang pulang menyambut Aidilfitri di kampung halaman.

Mengulas lanjut, beliau berkata setiap negeri memiliki kekuatan dan kekurangan tersendiri, namun anak Kelantan perlu memberi tum-

puan untuk menonjolkan kekuatan yang dimiliki sebagai nilai tambah yang membina persepsi positif terhadap negeri.

“Apa yang lebih baik pada orang lain, kita contohi demi penambahbaikan diri dan masyarakat,” katanya.

Sementara itu, Pemangku Presiden Persatuan Anak-anak Kelantan di Perantauan (PERAKAN), Muhamad Arif Yusuf menyifatkan anak Kelantan di luar negeri sebagai aset penting yang terus mengangkat identiti serta nilai jati diri walau di mana berada.

Beliau berkata, golongan terse-

“

Walaupun berjauhan, mereka tetap berperanan mengangkat imej negeri melalui nilai budaya, semangat muafakat dan pegangan hidup yang menjadi teras masyarakat Kelantan sejak dahulu.”

but merangkumi pelajar institusi pengajian tinggi serta mereka yang terlibat dalam pelbagai sektor termasuk keusahawanan dan korporat.

“Walaupun berjauhan, mereka tetap berperanan mengangkat imej negeri melalui nilai budaya, semangat muafakat dan pegangan hidup yang menjadi teras masyarakat Kelantan sejak dahulu,” katanya dalam ucapan alu-aluan.

Tambahnya, kesinambungan nilai tersebut perlu terus dipelihara agar jati diri anak Kelantan kekal utuh dalam mendepani cabaran semasa.



84 peratus manifesto Kelantan direalisasikan dalam separuh penggal, SPARK sahkan momentum kukuh pentadbiran

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 25 Mac – Kerajaan Negeri Kelantan mencatat pencapaian signifikan apabila sebanyak 84 peratus Tawaran Manifesto Pilihan Raya Negeri ke-15 berjaya direalisasikan dalam tempoh separuh penggal pertama pentadbiran, sekali gus mencerminkan momentum pelaksanaan yang konsisten dan berfokus.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud memaklumkan, dapatan tersebut berdasarkan laporan Unit Pemanantauan dan Pelaksanaan Strategik (SPARK), Pejabat Menteri Besar Kelantan bagi tempoh September 2023 hingga Januari 2026.

Menurutnya, pencapaian itu menggambarkan komitmen berterusan kerajaan negeri dalam menunaikan janji kepada rakyat meskipun manifesto dirangka untuk tempoh lima tahun sehingga 2028.

“Dalam tempoh tiga tahun pentadbiran atau separuh penggal pertama, prestasi pelaksanaan manifesto menunjukkan perkembangan yang konsisten, progresif dan ber-



fokus.

“Daripada 96 program yang dirancang merangkumi 18 tawaran, sebanyak 84 peratus telah berjaya dilaksanakan, manakala selebihnya berada dalam fasa pelaksanaan aktif dan hanya sebahagian kecil belum dimulakan,” katanya.

Beliau berkata, penilaian pencapaian dibuat secara menyeluruh melalui libat urus semua portfolio dengan mengambil kira dapatan agensi berkaitan.

Mengulas lanjut, YB Mohd Asri memaklumkan bahawa beberapa sektor mencatat pencapaian cemerlang termasuk cakna perantau yang mencapai 100 peratus, diikuti pem-

bangunan keluarga dan masyarakat (99 peratus), produktiviti pertanian (97 peratus), pembangunan pendidikan dan kemahiran serta pembangunan wanita masing-masing 95 peratus.

Selain itu, alam sekitar lestari mencatat 93 peratus, kesukanan dan rekreasi (90 peratus), peluasan prasarana digital (89 peratus) serta ihtirafi tadbir urus (87 peratus).

Sementara itu, beberapa bidang lain turut menunjukkan kemajuan memberangsangkan termasuk kecaknaan insan istimewa (85 peratus), pembangunan insaniah (80 peratus), pengukuhan hubungan antara kaum (80 peratus), kese-

jahteraan rakyat (77 peratus) dan seni budaya serta warisan Kelantan (77 peratus).

Tambahnya, sektor pembangunan bekalan air bersih merekodkan 76 peratus, anak muda bermaruah (74 peratus), pembangunan sosioekonomi (67 peratus) serta kebersamaan NGO (50 peratus).

“Secara keseluruhannya, pencapaian ini membuktikan kerajaan negeri berada di landasan yang tepat dalam merealisasikan manifesto yang dijanjikan.

“Walaupun tempoh pentadbiran belum mencapai lima tahun, majoriti inisiatif telah dilaksanakan atau sedang bergerak aktif ke arah penyempurnaan,” katanya.

Katanya lagi, prestasi semasa turut memperkukuh keyakinan bahawa baki tempoh pentadbiran sehingga 2028 akan dimanfaatkan sepenuhnya bagi melengkapkan keseluruhan tawaran manifesto.

“Dengan komitmen berterusan, kerjasama semua pihak dan pendekatan berfokus kepada rakyat, kerajaan negeri diyakini mampu mencapai pembangunan yang lebih menyeluruh, sejahtera dan mampan menjelang akhir penggal,” jelasnya ketika dihubungi, hari ini.

Aidilfitri dalam cuaca panas, orang ramai diingatkan utamakan keselamatan



Oleh: Syamimi Manah

KUALA LUMPUR, 25 Mac – Orang ramai diingatkan supaya mengutamakan keselamatan dan kesihatan diri serta keluarga ketika menyambut Aidilfitri dalam keadaan cuaca panas yang melanda negara ketika ini.

Ahli Dewan Negara YB Senator Dr Wan Martina Wan Yusoff berkata, peningkatan suhu persekitaran boleh memberi kesan serius

kepada kesihatan, termasuk risiko strok haba yang boleh membawa maut jika tidak ditangani segera.

Menurutnya, perkara itu perlu diberi perhatian susulan laporan media mengenai beberapa kes strok haba, termasuk satu kes kematian melibatkan seorang kanak-kanak yang tertinggal di dalam kenderaan.

“Tragedi ini bukan sekadar statistik tetapi adalah satu peringatan keras tentang betapa kritikalnya ancaman cuaca panas melampau terhadap fisiologi manusia,” katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Beliau yang juga pengamal perubatan menjelaskan, tubuh manusia mempunyai had dalam mengawal suhu badan, dan apabila suhu meningkat melebihi tahap tertentu,

fungsi organ penting seperti otak, hati dan buah pinggang akan terjejas.

Tambahnya, kanak-kanak merupakan golongan paling berisiko kerana sistem kawalan suhu badan mereka masih belum matang, menyebabkan mereka lebih mudah terdedah kepada kesan cuaca panas melampau.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan ibu bapa agar sentiasa berwaspada dan tidak meninggalkan anak-anak di dalam kenderaan walaupun untuk tempoh singkat, memandangkan suhu dalam kenderaan tertutup boleh meningkat dengan cepat ke tahap berbahaya.

Dalam masa sama, orang ramai dinasihatkan supaya memastikan pengambilan air mencukupi, memakai pakaian ringan serta mengu-

rangkan aktiviti luar terutama pada waktu puncak panas antara pukul 11 pagi hingga 4 petang.

Ahli Dewan Negara itu turut menggesa pihak berkuasa tempatan dan majikan agar menyediakan kemudahan asas seperti bekalan air bersih, kawasan teduh serta waktu rehat mencukupi khususnya kepada pekerja yang terdedah kepada cuaca panas.

“Majikan juga perlu peka terhadap kebajikan pekerja yang bertugas di luar bangunan (outdoor) dengan menyediakan waktu rehat yang cukup di kawasan yang teduh,” ujarnya.

Beliau berharap semua pihak dapat mengambil langkah berjaga-jaga agar sambutan Aidilfitri kali ini kekal meriah dalam suasana yang selamat dan sejahtera.

UPKN anjur Program Welcoming Perantau di enam lokasi strategik sambut kepulangan anak Kelantan

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 19 Mac — Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) menganjurkan Program Welcoming Perantau di enam lokasi strategik seluruh negeri bagi menyambut kepulangan anak Kelantan sempena Aidilfitri.

Pengarahnya, Razuan Awang Hamad berkata program tersebut bertujuan menyemarakkan semangat kebersamaan dalam menyambut lebaran dan mengeratkan kasih sayang pemimpin dan masyarakat.

“Program Welcoming Perantau ini dianjurkan sebagai pendekatan holistik dalam menyambut kepulangan anak perantau, di samping mengangkat semangat “hubbul watan” yang terus mekar dalam jiwa rakyat Kelantan, walau di mana mereka berada.

“Pelaksanaannya bermula di Jeli pada 17 hingga 19 Mac, diikuti Gua Musang pada 18 Mac, Pasir Puteh pada 18 hingga 19 Mac, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra pada 18 hingga 19 Mac, manakala Kota Bharu dan Tumpat masing-masing pada 19 Mac.

“Program ini turut melibatkan pimpinan setempat yang turun pa-



dang menyantuni para perantau,” jelasnya.

Sementara itu, Ahli Dewan Negeri (ADN) Kuala Balah YB Dato’ Abdul Hadi Awang Kechil berkata, sambutan kepulangan perantau Jeli dimeriahkan dengan agihan sebanyak 2,000 bekas bubur lambuk bersama brosur penerangan tentang kemakmuran Kelantan di setiap lokasi strategik sebagai juadah berbuka puasa.

Katanya lagi, bagi kawasan Jeli, khidmat penyediaan bubur lambuk

oleh pasukan Yayasan Amal Malaysia cawangan Kelantan.

Manakala agihannya pula dilaksanakan oleh Pusat Khidmat DUN dan Penghulu Tanpa Mukim Seranta (PTMS).

“Program ini menjadi tanda ingatan dan penghargaan kepada anak-anak Kelantan yang pulang ke tanah air.

“Kita ingin memastikan kepulangan mereka disambut dengan penuh mesra, di samping berkongsi rezeki melalui agihan bubur lambuk se-

bagai juadah berbuka,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Tambahnya, inisiatif tersebut diharapkan dapat meringankan perjalanan perantau yang pulang dan mengeratkan nilai ukhuwah dan kebersamaan dalam masyarakat.

“Dalam kesibukan perjalanan pulang, sentuhan kecil seperti ini mampu memberi makna besar. Ia mencerminkan keprihatinan kerajaan negeri dan agensi terlibat dalam menyantuni rakyat, khususnya menjelang Ramadan dan Aidilfitri,” ujarnya.

Aduan rakyat diberi perhatian serius dalam mesyuarat Exco – MB Kelantan



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 26 Mac – Aduan serta permasalahan rakyat terus diberi perhatian serius oleh Kerajaan Negeri Kelantan apabila perkara tersebut menjadi antara fokus utama dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan yang diadakan di Mabna,

semalam.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud berkata, mesyuarat yang dipengeruskannya itu membincangkan pelbagai perkara berkaitan pentadbiran negeri termasuk isu semasa yang dihadapi rakyat.

Menurutnya, setiap aduan yang

dikemukakan diteliti dengan sebaiknya bagi memastikan tindakan sewajarnya dapat diambil segera demi menjaga kesejahteraan rakyat.

“Pelbagai perkara berkaitan pentadbiran negeri dibincangkan, termasuk aduan serta permasalahan rakyat yang diteliti dengan sebaiknya bagi memastikan tindakan

sewajarnya dapat diambil segera,” katanya melalui laman rasmi, semalam.

Sementara itu, Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud memaklumkan Mesyuarat Exco Kali Ke-6 Tahun 2026 itu turut memberi tumpuan kepada agenda penting negeri.

Beliau berkata, pertemuan yang diadakan dalam suasana Syawal itu diharapkan dapat menghasilkan beberapa penyelesaian terbaik demi kemudahan serta kebajikan rakyat.

“Perjumpaan pada Syawal ini insya-Allah membuahkkan beberapa agenda dan penyelesaian terbaik demi kemudahan serta kebajikan rakyat sebagaimana agenda kali ini,” katanya di laman rasmi, pada Rabu.

Pemimpin dunia Islam digesa nyatakan pendirian tegas isu Masjidil Aqsa



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 24 Mac – Kerajaan Negeri Kelantan menggesa pemimpin negara-negara Islam supaya menyuarakan pendirian secara tegas di peringkat antarabangsa bagi memastikan hak umat Islam untuk beribadah di Masjidil Aqsa terus terpelihara.

Exco Jawatankuasa Pembangu-

nan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta, YB Mohd Asri Mat Daud berkata, tindakan diplomatik dan suara kolektif dunia Islam amat diperlukan susulan penutupan masjid suci tersebut yang dilaporkan berlarutan selama 24 hari.

Menurutnya, situasi berkenaan amat membimbangkan, lebih-lebih lagi apabila umat Islam dikatakan tidak dibenarkan menunaikan solat Aidilfitri di Masjidil Aqsa buat pertama kali dalam tempoh puluhan tahun.

“Penutupan ini bukan sahaja menyentuh sensitiviti umat Islam, bahkan merupakan satu tindakan yang tidak boleh dipandang ringan.

Masjidil Aqsa adalah simbol kesatuan dan maruah umat Islam di seluruh dunia,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau menegaskan, gesaan secara konsisten dan menyeluruh di pentas antarabangsa perlu diperkasakan agar isu tersebut mendapat perhatian global serta tindakan segera daripada pihak berkaitan.

“Suara negara-negara Islam perlu lebih tegas dan bersepadu bagi memastikan hak umat Islam untuk beribadah di masjid berkenaan tidak dinafikan,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau turut menyeru umat Islam agar terus memperkukuh solidariti melalui pelbagai saluran termasuk doa,

peningkatan kesedaran awam dan sokongan terhadap usaha kemanusiaan.

Katanya, perpaduan ummah menjadi asas penting dalam memastikan isu tersebut kekal mendapat perhatian dan tidak dilupakan.

“Kita perlu terus bersatu hati dan istiqamah dalam memperjuangkan pembukaan semula Masjidil Aqsa,” katanya.

Terdahulu, penularan maklumat mengenai penutupan masjid berkenaan di media sosial mencetuskan kebimbangan serta reaksi meluas dalam kalangan umat Islam di seluruh dunia.

Skuad Bantu terima lebih 60 panggilan kecemasan, perantau pulang selamat

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KUALA KRAI, 24 Mac – Operasi Skuad Bantu Aidilfitri 2026 merekodkan lebih 60 panggilan kecemasan sejak dilancarkan, sekali gus membuktikan kecekapan pasukan sukarelawan dalam memastikan kelancaran perjalanan perantau pulang ke kampung halaman dengan selamat menjelang Syawal.


Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, operasi yang digerakkan di bawah Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) negeri itu memberi tumpuan kepada laluan utama dari sempadan Gua Musang hingga ke Kampung Telokong, Machang, khususnya pada waktu malam ketika kebanyakan bengkel kenderaan tidak beroperasi.

“Skuad Bantu menyediakan bantuan segera kepada pengguna jalan raya termasuk perantau, meliputi pembaikan kerosakan kecil serta bantuan kehabisan minyak.

“Pasukan ini dilengkapi peralatan mencukupi dan anggota mahir bagi memastikan bantuan dapat disalurkan dengan cepat dan berkesan,” katanya.

Menurutnya, dalam situasi tertentu, pasukan turut membantu menghantar perantau ke destinasi masing-masing sebelum urusan kenderaan yang rosak diselesaikan.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancar-



an Operasi Skuad Bantu sempena Kempen Keselamatan Jalan Raya Aidilfitri yang diadakan pada 17 Mac lalu.

Tambahnya, sejak 19 Mac, operasi berkenaan berjaya menyelesaikan lebih 20 kes kerosakan kecil di lokasi kejadian, manakala lebih 10 kes lain melibatkan kenderaan yang perlu ditunda ke bengkel.

Operasi tersebut meliputi kawasan utama di jajahan Gua Musang, Kuala Krai, Machang dan Tanah Merah dengan pembahagian zon secara sistematik bagi mempercepatkan respons bantuan. Kuala Krai berfungsi sebagai pusat ‘check point’ utama bagi menyelaras pergerakan serta penugasan pasukan di lapangan.

Lebih 100 sukarelawan terlibat dalam operasi kali ini merangkumi penyertaan pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO), antaranya Taskforce Kuala Krai – Unit Bantu, Barracuda Adventure Team, Lacar Group, Jabatan Amal, Dewan Pemuda PAS Kawasan Kuala Krai, Kembara BAT Supporter, Jembal 2 Towing dan AP Towing.

Skuad tersebut diketuai Pengarah Skuad Bantu, MD Zaidi Mat Rashid bersama Timbalan Pengarah, Muhammad Asrul Muhammed yang memainkan peranan penting dalam menyelaras gerak kerja sepanjang musim perayaan.

Sementara itu, Muhammad Asrul berkata, kerjasama erat antara NGO dan sukarelawan membuktikan se-

manfaat kesukarelawanan masyarakat yang tinggi dalam membantu mereka yang memerlukan.

“Selain bantuan teknikal seperti membaiki kenderaan dan perkhidmatan tunda, inisiatif ini mencerminkan keprihatinan rakyat dalam memastikan setiap perantau dapat pulang ke kampung halaman dengan selamat sebelum tibanya Syawal,” katanya.

Dalam pada itu, YB Hilmi turut menyeru pengguna jalan raya agar sentiasa berhati-hati dan mematuhi peraturan bagi mengurangkan risiko kemalangan sepanjang musim perayaan.

Operasi Skuad Bantu Aidilfitri 2026 diteruskan sehingga pagi 1 Syawal 1447.

Penjajahan moden beralih ke medan ekonomi, REE kunci kuasa baharu



Oleh: Syamimi Manah

KUBANG KERIAN, 25 Mac – Landskap kuasa global kini menyaksikan peralihan bentuk penjajahan daripada dominasi ketenteraan kepada penguasaan ekonomi, teknologi dan rantaian bekalan yang semakin strategik.

Demikian kenyataan Ahli Parlimen Kubang Kerian YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man menerusi hantaran di laman rasmi, pada Isnin.

Menurutnya, pendekatan tersebut menjadi instrumen utama kuasa besar dunia untuk memperluas pengaruh tanpa perlu berdepan konflik bersenjata secara langsung.

“Penjajahan moden tidak lagi datang dalam bentuk ketenteraan, tetapi melalui kawalan ekonomi,

teknologi, kawalan pasaran, dan standard antarabangsa,” katanya.

Beliau menjelaskan, perkembangan geopolitik semasa termasuk ketegangan di Timur Tengah memperlihatkan bagaimana kawalan terhadap rantaian bekalan mampu menggoncang kestabilan ekonomi dunia.

“Situasi ini mengajar kita bahawa dalam era moden, kekuatan bukan sahaja terletak pada aset ketenteraan, tetapi keupayaan mengawal aliran bekalan. Apa yang boleh dibeli, dihantar, diproses, dan diganti apabila krisis meletup,” hurnainya.

Mengulas lanjut, beliau berkata penutupan Selat Hormuz oleh Iran memberi kesan ketara kepada pasaran tenaga global memandangkan laluan itu mengendalikan kira-kira 20 peratus bekalan petroleum dunia.

Dalam masa sama, Dato' Sri Tuan Ibrahim menegaskan bahawa Rare Earth Elements (REE) kini muncul sebagai komoditi strategik baharu yang bakal mencorakkan keseimbangan kuasa global.

“Pasaran REE mungkin tidak

sebesar minyak dari segi nilai dagangan harian ketika ini, tetapi ia akan berkembang menjadi besar pada masa hadapan, sesuai dengan perkembangan teknologi moden, daripada telefon pintar hinggalah kepada kenderaan elektrik, daripada turbin angin hingga radar dan sistem komunikasi ketenteraan,” ujarnya.

Tambahnya, China ketika ini menguasai ekosistem REE global secara menyeluruh, merangkumi aktiviti perlombongan hingga kepada penghasilan produk berteknologi tinggi.

“Mereka tidak lagi bercakap tentang siapa boleh melombong, tetapi siapa mengawal aliran bahan mentah dari perut bumi sampai ke industri bernilai tinggi,” katanya.

Beliau turut memaklumkan bahawa kebimbangan terhadap ketergantungan kepada sumber REE mendorong negara lain mengambil langkah strategik, termasuk usaha Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat yang bekerjasama dengan Lynas Rare Earths bagi mempelbagaikan sumber bekalan.

Dalam konteks Malaysia, beliau

berkata negara memiliki potensi besar dengan anggaran sumber REE sekitar 16.1 juta tan metrik bernilai antara RM800 bilion hingga hampir RM1 trilion.

“Namun peluru itu hanya berguna jika kita memiliki dasar, ilmu, undang-undang, teknologi pemprosesan, dan keberanian politik untuk memastikan nilai tambah tidak keluar begitu sahaja,” jelasnya.

Sehubungan itu, beliau menegaskan keperluan dasar “downstream-first” bagi memastikan aktiviti pemprosesan dan pembuatan produk bernilai tinggi dilaksanakan dalam negara.

“Eksport bukan haram, tetapi mesti berpandukan siapa pembeli, apa syarat teknologi, dan apa pulangan industri,” katanya.

Pada masa sama, beliau menyeru agar pendekatan diplomasi mineral diperkukuh bagi membina jaringan kerjasama antarabangsa yang melindungi kepentingan nasional, selain memastikan pembangunan industri REE dilaksanakan secara lestari serta mematuhi piawaian alam sekitar.

Paip utama pecah siap dibaiki, bekalan air di Pasir Mas pulih berperingkat

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 26 Mac – Gangguan bekalan air yang berlaku di beberapa kawasan sekitar Pasir Mas kini dalam proses pemulihan secara berperingkat selepas kerja pembaikan paip utama yang pecah berjaya disiapkan.

Pihak Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) menerusi satu hantaran di laman rasminya semalam menyatakan, gangguan bekalan air bersih di kawasan tersebut berpunca daripada kerosakan paip utama bersaiz 450 milimeter di Jambatan Kelar yang menjejaskan bekalan air kepada penduduk setempat.

Katanya, pihak berkaitan telah mempergiat usaha pemulihan termasuk menambah jumlah lori tangki air kepada sepuluh buah berbanding tujuh sebelum ini.

“Lori tangki berkenaan digerakkan bagi penghantaran bekalan air



ke tangki statik serta premis pengguna di kawasan terjejas,” jelasnya.

Menurut AKSB lagi, bekalan air dijangka pulih sepenuhnya dalam tempoh 36 hingga 48 jam selepas kerja pembaikan, khususnya bagi

kawasan di penghujung rangkaian paip yang lazimnya mengambil masa lebih lama untuk menerima semula bekalan.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan supaya terus bersabar dan menggunakan air secara ber-

hemah sepanjang tempoh pemulihan.

“Pihak AKSB memohon maaf atas segala kesulitan yang berlaku serta menghargai kerjasama semua pihak dalam menghadapi situasi berkenaan,” katanya.

Ahli Parlimen Tumpat, ADN Kelaboran sampaikan sumbangan kepada mangsa kebakaran di Kok Keli

Oleh: Asri Hamat

TUMPAT, 26 Mac — Ahli Parlimen Tumpat YB Dato' Mumtaz Md Nawi dan Ahli Dewan Negeri (ADN) Kelaboran YB Adenan Hassan menyampaikan sumbangan kepada mangsa kebakaran di Kok Keli sebagai tanda keprihatinan dan sokongan terhadap mangsa.

Menurut YB Adenan, bantuan yang disalurkan itu diharap dapat meringankan beban mangsa selain memberi semangat untuk terus bangkit menghadapi ujian yang menimpa.

“Dalam saat sukar seperti ini, kebersamaan dan solidariti masyarakat amat penting bagi membantu mereka yang sedang berdepan kesusahan,” katanya menerusi media sosial pada Selasa.

Beliau turut merakamkan peng-



hargaan kepada semua pihak yang tampil menghulurkan bantuan dan sokongan kepada mangsa.

“Semoga segala kebaikan ini diberkati dan dibalas dengan ganjaran berlipat ganda,” ujarnya.

Dalam kejadian kebakaran yang berlaku pada 2 Syawal lalu, dua buah rumah dilaporkan hangus sepenuhnya manakala

sebuah surau turut terjejas. Walau bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

YB Adenan turut menyampaikan ucapan takziah kepada semua mangsa yang terlibat dan mendoakan agar mereka dikurniakan kekuatan, kesabaran serta ketabahan dalam menghadapi dugaan tersebut.

“Kami amat bersedih atas musibah ini dan berdoa agar segala urusan mangsa dipermudahkan serta dikurniakan gantian yang lebih baik,” katanya.

Beliau turut berharap semua mangsa sentiasa berada dalam lindungan dan rahmat Allah SWT sepanjang menghadapi tempoh pemulihan ini.

Rumah Terbuka Aidilfitri satukan hati rakyat, ziarah rentas kaum perkukuh perpaduan



Oleh: Irham Hilmi Hashim

TUMPAT, 25 Mac – Amalan saling berziarah sempena Aidilfitri terus memperkukuh perpaduan apabila penganjuran rumah terbuka berjaya menghimpunkan masyarakat pelbagai kaum dalam suasana harmoni dan penuh ukhuwah.

Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri DUN Pengkalan Kubor 1447H anjuran Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat mencatat kehadiran lebih 2,000 pengunjung terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuk Melayu, Cina, India dan Siam.

Menariknya, majlis tersebut turut disertai delegasi 40 orang dari Tak Bai, Thailand yang diketuai

Pegawai Daerah kawasan berkenaan, sekali gus memperlihatkan jalinan hubungan merentas sempadan yang terus utuh.

Menurut Dato' Wan Roslan, penganjuran rumah terbuka bukan sekadar tradisi, sebaliknya menjadi ruang strategik menyatukan masyarakat tanpa mengira perbezaan.

“Aidilfitri bukan hanya tentang sambutan, tetapi ia adalah ruang untuk kita menyatukan hati, memupuk kasih sayang serta mengeratkan hubungan sesama insan tanpa mengira perbezaan,” katanya.

Majlis berkenaan turut diserikan dengan pelbagai juadah tradisi Aidilfitri hasil gotong-royong penduduk setempat yang menyediakan hidangan secara sukarela, mencerminkan semangat kebersamaan

yang terus subur dalam komuniti dan amalan berjimat cermat.

Dato' Wan Roslan turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan program tersebut.

“Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir, sama ada dari dekat mahupun jauh.

“Semoga kebersamaan ini menjadi asbab keberkatan dan terus memperkukuh perpaduan dalam masyarakat,” ujarnya.

Turut hadir, Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Rohani Ibrahim serta Ahli Parlimen Tumpat, YB Mumtaz Md Nawi.

Sementara itu, suasana sama turut dirasai di kediaman Exco Ker-

jaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar merangkap Ahli Dewan Negeri (ADN) Kijang YB Dato' Dr Izani Husin yang menerima kehadiran luar jangka daripada masyarakat pelbagai lapisan.

Beliau berkata, majlis yang dianjurkan bersama keluarga itu berlangsung lancar dengan penyediaan juadah mencukupi untuk semua tetamu yang hadir.

“Terima kasih kepada semua yang sudi singgah dan hadir memeriahkan rumah terbuka saya dan keluarga.

“Kehadiran yang diterima luar jangka, namun alhamdulillah segala juadah mencukupi dan majlis berjalan dengan lancar,” katanya.

Dalam pada itu, beliau turut mempersila orang ramai yang tidak berkesempatan hadir agar memeriahkan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri DUN Kijang yang dijadualkan berlangsung pada 11 April depan.

“Bagi yang tidak berkesempatan hadir, dipersilakan ke Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri DUN Kijang pada 11 April (Sabtu) bertempat di Dataran Kijang. Insya-Allah kita bertemu di sana,” ujarnya.

Tiga keluarga mangsa kebakaran terima sumbangan kerajaan negeri

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 25 Mac – Tiga keluarga yang terjejas dalam kebakaran di Lorong Rela, Kampung Bunut Payong pada 1 Syawal lalu menerima sumbangan daripada kerajaan negeri bagi meringankan beban mereka.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim, yang mewakili Menteri Besar Kelantan YAB Dato Panglima Perang Ustaz Dato Mohd Nassuruddin Daud dalam satu kunjungan ke lokasi kejadian, semalam.

Turut hadir dalam kunjungan tersebut ialah Ahli Dewan Negeri (ADN) Bunut Payong YB Shaari Mat Yaman.

Dato' Rohani berharap agar



bantuan yang disalurkan dapat membantu meringankan kesulitan mangsa selain memberi sokongan moral kepada mereka untuk bangkit semula.

“Semoga Allah SWT menggantikan segala yang hilang dengan yang lebih baik serta mengurniakan kekuatan dan ketabahan kepada semua mangsa yang terlibat,” katanya menerusi satu hantaran di

media sosial pada Selasa.

Media sebelum ini melaporkan kebakaran yang berlaku pada pagi Aidilfitri, 21 Mac kira-kira pukul 8.27 pagi itu telah memusnahkan tiga buah rumah teres dua tingkat di Kampung Bunut Payong.

Dua daripada rumah terbabit musnah sepenuhnya manakala sebuah lagi mengalami kerosakan sekitar 80 peratus.

Tiada kecederaan dan kemalangan jiwa dilaporkan kerana semua penghuni tiada di rumah ketika kejadian berlaku.

Walaupun bagaimanapun, Dato' Rohani menzahirkan simpati kerana memahami insiden tersebut telah menukar suasana sambutan Aidilfitri keluarga terlibat menjadi pilu apabila mereka kehilangan tempat tinggal dan harta benda.

Perantau Kelantan pulang beraya disambut di LTSIP



Oleh: Norzana Razaly

PENGKALAN CHEPA, 19 Mac — Kepulangan perantau Kelantan sempena Aidilfitri disambut penuh mesra menerusi Program Welcoming Perantau anjuran Urus setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) di Balai Ketibaan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), di sini, selama dua hari bermula 18 hingga 19 Mac.

Program yang menyantuni ketibaan penumpang dari pelbagai destinasi itu menyaksikan purata 80 peratus daripada mereka merupakan anak perantau yang pulang

ke tanah air bagi meraikan lebaran bersama keluarga.

Inisiatif tersebut diserikan dengan kehadiran Timbalan Exco Pembangunan Islam, Penerangan, Dakwah dan Hubungan Seranta. YB Nik Bahrum Nik Abdullah dan Ahli Parlimen Pengkalan Chepa YB Datuk Dr Marzuk Shaari yang turun padang menyambut para perantau.

Menurut YB Nik Bahrum, sebanyak 350 pek ole-ole berupa kuih-muih tradisi seperti jala mas, buah tanjung dan seri itik diagihkan setiap hari sebagai tanda penghargaan kepada perantau yang pulang.

“Kita menyambut anak perantau Kelantan yang pulang melalui pangkalan udara sambil mengagihkan ole-ole sebagai simbol ingatan dan kasih sayang negeri kepada mereka.

“Pada hari pertama, sambutan disempurnakan oleh Datuk Dr Marzuk Shaari, manakala hari kedua saya sendiri berpeluang menyantuni kepulangan mereka di balai ketibaan ini,” katanya, ketika dihubungi, hari ini.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada UPKN atas pen-

ganjuran program berkenaan yang disifatkan sebagai signifikan dalam meneruskan tradisi tahunan menyambut perantau.

“Walaupun kelihatan ringkas, namun kesannya amat mendalam kepada setiap individu yang diraikan,” katanya.

Beliau juga menyifatkan program tersebut mencerminkan komitmen berterusan kerajaan negeri dalam menyantuni rakyat serta menyemarakkan semangat kebersamaan menjelang sambutan Aidilfitri.



Perantau Tumpat tiba di stesen kereta api disambut pemimpin negeri

Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 20 Mac - Sejumlah 260 perantau anak Kelantan tiba di Stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) Wakaf Bharu dan Tumpat disambut meriah sempena Aidilfitri melalui Program Welcoming Perantau, semalam.

Di Stesen Keretapi Tumpat, dua ketibaan tren melibatkan dari Johor pada pukul 1.30 petang dengan 66 penumpang, serta tren dari Kuala Lumpur pada pukul 5.00 petang yang membawa 91 penumpang termasuk 27 kakitangan KTMB.

Perantau di stesen itu disambut oleh Ahli Dewan Negeri (ADN) Kelabaran YB Mohd Adnan Hassan bersama Ahli Parlimen Tumpat YB Dato' Mumtaz Md Nawawi.

Sementara itu, di Stesen Keretapi Wakaf Bharu, tren dari Kuala Lumpur tiba pada pukul 4.30 petang dengan membawa seramai 106 penumpang.

Sambutan di lokasi tersebut diketuai oleh ADN Pasir Pekan YB Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob, ADN Wakaf Bharu YB Mohd Rusli Abdullah serta Ahli Parlimen Tumpat YB Dato'



Mumtaz Md Nawawi.

Program Welcoming Perantau anjuran Urus setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) itu bertujuan menyambut kepulangan anak-anak perantau ke kampung halaman sempena Aidilfitri.

Selain di stesen Tumpat dan Wakaf Bharu, program sama turut dilaksanakan di lima lokasi lain iaitu di Pasir Puteh melibatkan DUN Gaal dan Semerak, Gua Musang (Masjid Buloh), Jeli (Petronas Jeli), Kota Bharu (Stesen Bas Lotus's) serta Pengkalan Chepa (Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra).

Mengulas suasana program, YB

Mohd Adnan Hassan berkata sambutan yang diadakan jelas menggambarkan kegembiraan masyarakat menyambut kepulangan ahli keluarga dari perantauan.

"Suasana cukup meriah dengan kepulangan wajah-wajah yang dirindui. Terima kasih kepada semua petugas kawasan Tumpat yang turun padang bagi meraikan kepulangan saudara mara kita dari perantauan," katanya.

Beliau turut mengucapkan selamat pulang kepada semua perantau serta berharap sambutan Aidilfitri kali ini membawa keberkatan kepada semua.

"Selamat pulang ke kampung

halaman buat semua. Semoga Aidilfitri kali ini membawa seribu keberkatan buat kita semua. Maaf Zahir dan Batin," ujarnya.

Dalam pada itu, ADN Wakaf Bharu YB Mohd Rusli Abdullah berkata program tersebut dianjurkan bagi menyambut kepulangan anak-anak perantau yang kembali ke tanah air sempena Hari Raya yang bakal menjelang.

"Semoga perjalanan semua perantau dipermudahkan dan selamat sampai ke destinasi. Selamat kembali ke kampung halaman, moga Syawal kali ini membawa seribu keberkatan dan kebahagiaan buat kita semua," katanya



Pesakit Hospital Tumpat disantuni Ahli Parlimen sempena Aidilfitri



Oleh: Asri Hamat

TUMPAT, 20 Mac – Pesakit di Hospital Tumpat menerima kunjungan dan sumbangan daripada Ahli Parlimen Tumpat YB Dato' Mumtaz Md Nawawi dalam satu program ziarah kebajikan sempena Aidilfitri.

Lawatan tersebut bertujuan menyantuni pesakit yang terpaksa

menyambut Aidilfitri di hospital, selain menyampaikan sedikit sumbangan bagi meringankan beban mereka.

Menurut Dato' Mumtaz, selain para pesakit, turut disantuni dan digah sumbangan ialah kakitangan keselamatan dan pekerja kebersihan.

"Alhamdulillah, 33 pesakit telah

diziarahi dan keseluruhan penerima termasuk petugas keselamatan dan pekerja kebersihan menjadikan jumlah sebanyak 52 orang penerima sumbangan," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Tambahnya, setiap penerima diberi biskut raya serta sumbangan duit raya sebagai tanda ingatan dan sokongan.

Beliau berharap inisiatif tersebut dapat menceriaikan pesakit serta memberi semangat kepada mereka yang tidak dapat pulang beraya bersama keluarga.

"Semoga usaha kecil ini dapat membawa kegembiraan dan menguatkan semangat mereka untuk terus tabah menghadapi ujian," ujarnya.



Kerajaan negeri perkasa infrastruktur jalan menerusi peruntukan Kemudahan Rakyat

Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 26 Mac – Kerajaan Negeri Kelantan terus memperkasa pembangunan infrastruktur jalan di kawasan luar bandar menerusi peruntukan Kemudahan Rakyat (KR) bagi memastikan keselesaan, keselamatan dan kesejahteraan penduduk sentiasa terpelihara.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemuning YB Ahmad Zakhran Noor berkata, peruntukan KR merupakan antara instrumen penting yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi menangani isu prasarana rakyat secara lebih tersusun, berperingkat dan berkesan, khususnya melibatkan laluan jalan di kawasan kampung.

Menurutnya, komitmen berterusan itu diterjemahkan menerusi gerak kerja Pejabat Pusat Khidmat DUN Kemuning selepas ber-cuti sempena Aidilfitri, di samping memberi tumpuan kepada penyelarasan projek-projek infra-

struktur yang memberi manfaat langsung kepada rakyat.

“Alhamdulillah, pejabat kami telah mula beroperasi sepenuhnya hari ini. Perbincangan bersama para penghulu semalam sangat produktif dan kita telah mengenal pasti beberapa lagi jajaran jalan yang perlu diberi perhatian segera untuk dibaik pulih bagi tahun 2026,” katanya ketika mempengerusikan Mesyuarat Penyelarasan di Pusat Khidmat DUN Kemuning, semalam.

Beliau memaklumkan, berdasarkan rekod pelaksanaan projek di bawah Pusat Khidmat DUN Kemuning, sebanyak lapan batang jalan berjaya dinaik taraf pada tahun 2024, manakala lima batang jalan lagi telah siap dibaiki pada tahun 2025 menerusi peruntukan yang sama.

Katanya, pencapaian itu membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam mempertingkatkan kemudahan asas rakyat, khususnya



di kawasan luar bandar yang memerlukan perhatian berterusan terhadap aspek jaringan perhubungan dan aksesibiliti.

Mesyuarat berkenaan turut dihadiri para penghulu bagi membincangkan pelan tindakan projek membatu dan mengetar jalan yang dijadual dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

Tambahnya, kesinambungan pelaksanaan projek bagi tahun 2026 mencerminkan keprihatinan Kerajaan Negeri dalam menyahut keperluan rakyat secara saksama,

selain memastikan kemudahan jalan raya di DUN Kemuning sentiasa berada pada tahap memuaskan.

Selain peruntukan KR, kerajaan negeri turut menyediakan pelbagai sumber dana lain bagi menyokong usaha menambah baik kualiti jalan raya dan prasarana setempat secara menyeluruh.

“Semoga Allah SWT mempermudah segala gerak kerja kami dalam usaha memberikan keselesaan dan keselamatan kepada rakyat di DUN ini,” ujarnya.

Lebaran semarakkan hubbul watan, kepulangan perantau bukti cinta tanah air

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 21 Mac – Sambutan Aidilfitri 1447 disifatkan sebagai hari kemenangan selepas sebulan menempuh madrasah Ramadan, sekali gus menjadi lambang penyatuan kasih sayang, pengukuhan silaturahim dan manifestasi kecintaan mendalam terhadap tanah air.

Pengarah Urus setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) Razuan Awang Hamad berkata, suasana Syawal sentiasa membawa erti yang amat istimewa apabila anak-anak Kelantan yang merantau pulang ke negeri tercinta untuk bersama keluarga dan sanak saudara.

Menurutnya, kepulangan warga perantau dari pelbagai pelosok memberi gambaran jelas bahawa ikatan terhadap kampung halaman dan negeri kelahiran tetap utuh walau sejauh mana mereka merantau mencari rezeki serta menimba ilmu.

“Pada kesempatan yang penuh bermakna ini, saya mewakili warga UPKN mengucapkan Selamat Hari



Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada seluruh rakyat, khususnya anak-anak Kelantan walau di mana jua berada.

“Aidilfitri ialah hari kemenangan yang membuka peluang dan ruang untuk kita menyambung kasih, memperteguh silaturahim serta kembali kepada fitrah insani yang bersih,” katanya dalam perutusan Aidilfitri 1447/2026, hari ini.

Beliau menegaskan, semangat untuk pulang berhari raya membuktikan wujudnya satu panggilan jiwa

yang lebih kuat daripada urusan duniawi, iaitu panggilan tanah air, keluarga dan kampung halaman.

Jelasnya, semangat itu juga bertepatan dengan pedoman agama apabila Allah SWT merakamkan ujian berat golongan yang terpisah dari kampung halaman, sebagaimana dinyatakan dalam Surah al-Hasyr ayat 8 berhubung mereka yang meninggalkan tanah air dan harta benda demi mempertahankan agama.

Dalam pada itu, beliau turut mengingatkan bahawa sirah Nabi

Muhammad SAW memperlihatkan kecintaan yang mendalam terhadap tanah air apabila baginda menzahirkan kasih kepada Mekah serta berdoa agar Madinah dicintai sebagaimana kecintaan terhadap Mekah, bahkan lebih lagi.

Sehubungan itu, beliau menegaskan kepulangan perantau anak Kelantan setiap kali musim lebaran menjadi bukti bahawa semangat hubbul watan terus subur dan tiada tolok bandingnya dalam jiwa masyarakat negeri ini.

“Walau sejauh mana merantau mencari rezeki dan ilmu, hati mereka tetap berakar pada bumi kelahirannya.

“Semoga Aidilfitri ini menyatukan hati, mengeratkan ukhuwah dan menambahkan kecintaan kita kepada agama, keluarga serta tanah tumpah darah,” katanya.

Beliau turut mendoakan agar Syawal yang diraikan pada tahun ini membawa keberkatan, ketenangan dan kebahagiaan kepada seluruh rakyat serta menjadi pemangkin untuk terus memperkukuh kesatuan ummah dan kesejahteraan negeri.

Rumah Terbuka Aidilfitri sederhana, budaya ziarah dan berjimat cermat diutamakan -TMB Kelantan

Oleh: Norzana Razaly

MACHANG, 26 Mac – Penganjuran Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri oleh pemimpin Kerajaan Negeri Kelantan dilaksanakan dalam suasana sederhana dengan penekanan kepada amalan berjimat cermat, tanpa menjejaskan nilai kebersamaan dan tradisi ziarah masyarakat.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato’ Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata, pendekatan tersebut diambil susulan peningkatan kos sara hidup, namun penganjuran tetap diteruskan bagi memastikan ruang pertemuan antara pemimpin dan rakyat terus terpelihara.

“Tujuan utama penganjuran Rumah Terbuka Aidilfitri ialah bertemu mata dengan semua peringkat masyarakat. Inilah peluang para perantau datang bersama keluarga mereka yang bermastautin di Kelantan untuk bertemu para



pemimpin dalam suasana santai,” katanya ketika ditemui pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri di kediamannya di Kampung Kaabah, di sini, pada Selasa.

Beliau menegaskan, kerajaan negeri sentiasa peka terhadap peningkatan harga barangan dan mengambil pendekatan berhemah dalam setiap penganjuran program

melibatkan rakyat.

Menurutnya, konsep gotong-royong turut diterapkan dalam penganjuran rumah terbuka bagi mengawal kos perbelanjaan, di samping mengekalkan kemeriahan sambutan Aidilfitri.

Katanya lagi, pendekatan tersebut mencerminkan keprihatinan terhadap realiti ekonomi semasa,

“Kerajaan negeri mahu memastikan sambutan Aidilfitri terus diraikan dalam suasana harmoni dan sederhana, selaras dengan nilai budaya serta tuntutan semasa,”

sekali gus memperkukuh semangat kebersamaan dalam kalangan masyarakat setempat yang pelbagai kaum.

“Kerajaan negeri mahu memastikan sambutan Aidilfitri terus diraikan dalam suasana harmoni dan sederhana, selaras dengan nilai budaya serta tuntutan semasa,” katanya.





Rumah Terbuka Aidilfitri satukan hati rakyat, ziarah rentas kaum perkukuh perpaduan

Kelantan perkukuh ekosistem sukan, fokus prestasi atlet ke SUKMA 2026

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 25 Mac – Kerajaan Negeri Kelantan memperkukuh agenda pembangunan sukan secara komprehensif melalui perancangan tersusun dan tadbir urus berkesan, dengan fokus utama melonjakkan prestasi atlet menjelang Sukan Malaysia (SUKMA) Selangor 2026.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Mohamad menegaskan, pendekatan strategik itu menjadi tunjang bagi memastikan pembangunan sukan negeri dilaksanakan secara mampan, terarah dan berimpak tinggi.

Beliau berkata demikian menerusi hantaran di media sosial pada Rabu susulan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Majlis Sukan Negeri Kelantan Kali Ke-110 Bilangan 1 Tahun 2026 yang berlangsung di Bilik Mesyuarat



Majlis Sukan Negeri Kelantan di Telipot.

Menurutnya, mesyuarat berkenaan memfokuskan kepada penyelarasan hala tuju serta pelaksanaan program pembangunan sukan negeri bagi tahun semasa, termasuk usaha memperkukuh keseluruhan ekosistem sukan.

“Perbincangan turut memberi tumpuan kepada persediaan meng-

hadapi temasya Sukan Malaysia (SUKMA) Selangor 2026, selain memperkasa pembangunan atlet dan meningkatkan kualiti kejurulatihan,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau memaklumkan antara keutamaan ialah merangka program berimpak tinggi yang mampu melonjakkan prestasi atlet Kelantan agar lebih kompetitif di peringkat lebih tinggi.

Katanya, kejayaan agenda pembangunan sukan negeri memerlukan komitmen berterusan semua pihak termasuk agensi kerajaan, persatuan sukan dan pemegang taruh.

“Kerjasama padu semua pihak akan menjadi pemangkin kepada kejayaan serta kecemerlangan sukan Kelantan pada masa hadapan,” jelasnya.



Dekati rakyat, santuni komuniti: YB Zubir sokong usahawan beliawanis Kampung Bedal



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KUALA KRAI, 26 Mac – Komitmen untuk terus berada di lapangan dan menyelami keperluan setiap lapisan masyarakat terus menjadi keutamaan Ahli Dewan Negeri (ADN) Mengkebang YB Zubir Abu Bakar.

Menurut YB Zubir, usahawan beliawanis Auni Nadhirah Mohd Sahran, 20, pengusaha perniagaan kedai makan di Kampung Bedal,

Kuala Krai itu hadir mengemukakan permohonan bantuan keusahawanan bagi tahun 2026, di Pusat Khidmat DUN Mengkebang, semalam.

sokongan berterusan terhadap usahawan

“Kita sentiasa menyokong dan membuka ruang kepada anak muda yang berusaha membina kehidupan melalui perniagaan. Usahawan wanita khususnya dalam kalangan anak muda amat penting dalam

memperkukuh ekonomi masyarakat luar banda,” katanya.

Beliau menegaskan bahawa keprihatinan terhadap golongan usahawan kecil perlu diterjemahkan melalui sokongan berterusan agar mereka mampu berkembang dan berdaya saing.

“Insya-Allah, dengan bantuan yang disalurkan nanti, kita harap beliau dapat mengembangkan perniagaan yang diusahakan serta membuka peluang pekerjaan

kepada anak tempatan. Ini juga selari dengan usaha kerajaan negeri dalam memperkasa usahawan, khususnya usahawan muda agar lebih berdaya maju.

“Kita mahu melihat lebih ramai anak muda, khususnya wanita, tampil sebagai usahawan berjaya dan menjadi inspirasi kepada komuniti. Inilah antara fokus utama dalam membangunkan ekonomi rakyat dari peringkat akar umbi,” ujarnya.

